

17 OCT 1999

Sukan-F1 (GP)

EDDIE IRVINE JUARA GRAND PRIX PETRONAS MALAYSIA

SEPANG, 17 Okt (Bernama) -- Eddie Irvine dari pasukan Ferrari mendapat bantuan dua kali daripada rakan sepasukan Michael Schumacher untuk mencatat kemenangan keempatnya dalam perlumbaan Formula One pada Kejohanan Grand Prix Petronas Malaysia yang pertama di sini, hari ini.

Dalam perlumbaan penuh dramatik di Litar F1 Sepang sejauh 5.542km itu, Irvine dan Schumacher menduduki tempat pertama dan kedua meninggalkan juara bertahan dunia, Mika Hakkinen dari McLaren Mercedes di tempat ketiga.

Irvine, 33, mendapat mata penting itu untuk mendahului kedua-dua kejuaraan kategori pemandu dan pembuat.

Sesungguhnya, pemandu petak pertama Schumacher, telah memainkan peranan penting dalam kejayaan pemandu Irish itu, di sini.

Schumacher, juara dua kali dunia, yang kembali ke perlumbaan di sini, selepas mengalami kemalangan di Grand Prix British pada 11 Julai lepas, mendahului perlumbaan hari ini dengan selesa pada tiga pusingan pertama dan membenarkan Irvine memintasnya pada pusingan keempat.

Selepas dua kali membuat hentian di pit, Irvine sekali lagi dibenarkan memintas Schumacher pada pusingan ke-52 daripada 56 pusingan bagi perlumbaan sejauh 310.352km itu.

Irvine, yang akan berpindah ke pasukan Jaguar musim depan, mencatat satu jam 36 minit dan 38.494 saat, hanya 1.040 saat mendahului Schumacher dan 9.743s daripada pencabar terdekatnya Hakkinen, dalam kategeori pemandu terbaik dunia.

Hakkinen, yang berada di tempat keempat pada mula perlumbaan, naik ke tempat ketiga pada pusingan ke-14 apabila rakan sepasukan David Coulthard bersara apabila keretanya menghadapi masalah mekanikal dan hilang kuasa hidraulik.

Pemandu yang dikenali sebagai 'The Flying Finn' itu gagal menyaingi pasangan pelumba Ferrari dan menamatkan perlumbaan dengan masa 1:36:39.534s, ketinggalann empat mata dari Irvine untuk kejuaraan pemandu sebelum menamatkan musim di GP Suzuka, di Jepun pada 31 Okt.

Pelumba Jerman, Schumacher, 30, mengakui tiada gunanya beliau memenangi perlumbaan di sini, dan lebih suka Irvine memenanginya mencatat 1:36:39.534s, untuk kekal di tangga kelima dengan 38 mata.

Johnny Herbert dari Britain yang mewakili Stewart Ford mengakhiri perlumbaan di tempat kelima dengan 1:36:56.032s diikuti rakan sepasukan Ruben Barrichello yang mencatat 1:37:10.790s.

Irvine, yang telah mengutip 70 mata, tidak termasuk perlumbaan di Suzuka, mula menyertai F1 ini tahun 1993 dan memenangi kesemua kejuaraan GPnya musim ini selepas 96 perlumbaan.

"Dia memang hebat...Schumacher tetap nombor satu dan nombor dua. Buat diri saya, saya telah bertekad supaya tidak mebuat silap, terutama di selekoh. Saya takut jika berpusing-pusing dan mengawalnya dengan berhati-hati," kata Irvine, yang gembira dengan kejayaannya ini.

Mengenai perlumbaan di Suzuka, Irvine berkata litar di sana tidak banyak membantu dan menyifatkan litar tersebut bukan litar terbaik untuknya.

"Kami ada potensi membuat keputusan yang sama di Suzuka nanti dan memenangi kedua-dua kejuaraan," kata pemandu pasukan Itali itu.

Ferrari juga mendahului kategori pembuat dengan 118 mata berbanding McLaren yang memperolehi 114, manakala Jordan di tempat ketiga dengan 58 mata

Perlumbaan bermula dalam keadaan panas lembap, dengan kadar suhu tertinggi di litar mencapai 42°C. Schumacher dan Irvine mendahului perlumbaan, diikuti oleh Coulthard dan Hakkinen.

Perhatian tertumpu kepada keempat-empat pemandu ini manakala pemandu lain berada di belakang, antaranya ada yang terbabas dan berpusing-pusing di atas litar dan bekas juara Damon Hill dari Jordan pula dilanggar dari belakang dan terpaksa menamatkan kempen, selepas pusingan pertama.

Di akhir perlumbaan hanya separuh daripada 22 pemandu menamatkan perlumbaan dengan pemandu tajaan Malaysia, Jean Alesi dari Sauber Petronas menduduki tempat ketujuh dengan masa 1:37:32.902s.

Rakan sepasukan Pedro Diniz bersara pada pusingan ke-44, sementara Jarno Trulli dari Prost Peugeot gagal memulakan perlumbaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan hadiah dan trofi kepada pemenang.

-- BERNAMA

DC zb